



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), pihak Pengurusan PTPTN bertekad dan beriltizam untuk menyediakan suasana kerja yang selamat, sihat dan kondusif kepada semua warga PTPTN melalui :-

- Memberikan kesedaran kepada setiap Warga Kerja PTPTN terhadap betapa pentingnya aspek Keselamatan dan Kesihatan serta peranan dan penglibatan mereka untuk sama-sama menjaga keselamatan mereka semasa di tempat kerja;
- Menyediakan tempat dan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif, terhindar daripada sebarang risiko yang boleh menjejaskan Keselamatan dan Kesihatan Warga Kerja atau pelanggan yang berada di bangunan PTPTN;
- Mengambil langkah-langkah pencegahan yang sepatutnya bagi melindungi Keselamatan dan Kesihatan Warga Kerja atau pelanggan yang berurusan dengan PTPTN semasa mereka berada di bangunan pejabat;
- Menyediakan peralatan perlindungan diri (PPE) dan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan semasa bekerja;
- Memberikan maklumat, arahan, latihan, penerangan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas mereka dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan; dan
- Mengkaji semula dasar ini apabila perlu.

TARIKH:.....

04/11/2015

(EN AGOS BIN CHOLAN)

KETUA EKSEKUTIF

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL